

Pertembungan gelombang dua kumpulan

» Rempuhan dipercayai berlaku ketika jemaah tiba di persimpangan

► Mina

Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi berkata, kejadian rempuhan jemaah haji yang membunuh lebih 700 orang di sini, dipercayai berpunca daripada pertembungan gelombang dua kumpulan jemaah di persimpangan.

Jurucakap kementerian, Mejar Jeneral Mansour al-Turki, berkata suhu yang tinggi dan keletihan jemaah turut menjadi punca berlakunya tragedi semalam, kejadian terburuk dalam tempoh 20 tahun.

Katanya, setakat ini tidak ada petunjuk yang membuktikan ke-



cuaian pihak berkuasa kerana tragedi malang itu berlaku terlalu cepat.

Dua jemaah yang terselamat memberitahu *The Associated Press*, kejadian mengorbankan lebih daripada 700 jemaah itu bermula apabila dua gelombang jemaah dari arah bertentangan bertembung.

Saling bergelut

Jemaah Mesir, Abdullah Lofgy, 44, berkata beliau melihat seorang jemaah terlanggar jemaah lain yang



Lebih 700 jemaah haji maut dan hampir 900 cedera dalam tragedi rempuhan di Mina, semalam. (FOTO AFP)

TRAGEDI REMPUHAN JEMAAH HAJI DI MINA



Jumlah terkorban

➤ Lebih **700**

Tercedera

➤ Hampir **900**

- ➔ Waktu kejadian **9.00** pagi waktu tempatan
- ➔ **2.00** petang waktu Malaysia

berkerusi roda dan menyebabkan beberapa jemaah lain terjatuh dan menghempap jemaah terbabit.

“Orang ramai saling bergelut antara satu sama lain untuk mencari ruang bernafas. Pertembungan itu sepatutnya tidak berlaku kerana ketika kejadian pihak berkuasa Arab Saudi tidak melakukan perediaan,” katanya.

Seorang jemaah Nigeria yang ter selamat, Ismail Hamba, 58, berkata, keadaan amat dahsyat apabila beliau teringat kembali detik jatuh dan kemudian dipijak.

Setakat ini pihak berkuasa Arab Saudi berkata angka korban kekal lebih 700 orang dan lebih 800 ce-

Kesan selepas rempuhan di Mina, semalam. [FOTO AFP]





Anggota keselamatan mengusung jemaah haji yang cedera akibat rempuhan. [FOTO REUTERS]



BH
25/9/2015
mls 7

INFO

Kronologi tragedi di Tanah Suci

- © **Tahun 1975** - seramai 200 jemaah terkorban dan 151 cedera dalam kejadian letupan gas diikuti kebakaran di khemah jemaah haji di Mina
- © **20 November 1979** - militan menawan Masjidilharam dan menjadikan jemaah antara tebusan yang menyebabkan kematian 255 jemaah haji, tentera dan militan
- © **31 Julai 1987** - lebih 400 jemaah maut dan ribuan lagi cedera dalam pertempuran antara penunjuk perasaan Iran dan pasukan keselamatan Arab Saudi
- © **9 Julai 1989** - seorang jemaah maut, 16 cedera apabila dua bom meletup berhampiran Masjidilharam
- © **2 Julai 1990** - 1,426 jemaah maut dalam kejadian rempuhan di Terowong Al-Muassim yang kebanyakannya dari Malaysia, Indonesia dan Pakistan
- © **23 Mei 1994** - rempuhan di tempat melontar Jamrah meragut 270 nyawa
- © **7 Mei 1995** - tiga jemaah maut, 99 cedera selepas khemah jemaah di Mina terbakar
- © **15 April 1997** - 343 jemaah maut dan 1,500 lagi cedera apabila khemah yang diduduki mereka di Mina terbakar
- © **9 April 1998** - rempuhan di Jambatan Jamrah mengorbankan sekurang-kurangnya 118 jemaah
- © **5 Mac 2001** - 35 jemaah termasuk 23 wanita maut akibat rempuhan ketika melontar di Mina
- © **11 Februari 2003** - 14 jemaah maut akibat

dera menjadikan ia kejadian terburuk dalam sejarah ibadat haji sejak tahun 1990.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Arab Saudi, Khaled al-Falih menyalahkan jemaah haji yang tidak berdisiplin hingga menyebabkan berlakunya insiden rempuhan yang menyebabkan lebih 700 jemaah terkorban; semalam.

Beliau menyifatkan kejadian itu tidak akan berlaku jika mereka 'mematuhi peraturan'.

Katanya, ramai jemaah haji bergerak tidak menghormati jadual yang ditetapkan pihak berkuasa menjadi 'punca utama bagi kejadian seumpamanya'. AFP



Mangsa diberikan rawatan kecemasan selepas terabit dalam insiden rempuhan.

[FOTO AFP]

rempuhan ketika melontar di Mina

© 1 Februari 2004 - rempuhan ketika melontar di Mina mengorbankan 251 jemaah

© 22 Januari 2005 - Tiga jemaah maut akibat rempuhan ketika melontar di Mina

© 5 Januari 2006 - Hotel Al-Ghaza yang terletak berhampiran Masjidilharam runtuh dan laporan menyebut 76 jemaah umrah meninggal dunia dalam kejadian itu, manakala 64 cedera

© 12 Januari 2006 - rempuhan ketika melontar di Mina, meragut 346 nyawa dan 289 cedera

© 11 September 2015 - Lebih 100 jemaah termasuk tujuh dari Malaysia terkorban manakala 402 lagi cedera selepas kren pembinaan di Masjidilharam tumbang akibat angin kencang dan ribut pasir



Mangsa terabit tragedi diberikan rawatan segera.

[FOTO REUTERS]

